

**NO. SOALAN: 309**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kedudukan keagamaan anak-anak di bawah umur 18 tahun, jika salah seorang ibu bapa mereka memeluk agama Islam:-

- a) adakah Kerajaan bersedia meminda undang-undang yang terlibat untuk mengatasi keraguan-keraguan mengenai kedudukan ini; dan
  
- b) jika ya, bilakah pindaan undang-undang ini akan dilaksanakan.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk kepada Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan subperenggan 95(b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] di mana agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Dalam kes **Subashini a/p Rajasingam lawan Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147** Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, agama anak yang di bawah umur boleh ditetapkan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Oleh yang demikian, semua pihak adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan keputusan Mahkamah berhubung perkara tersebut.

- b) Memandangkan peruntukan undang-undang sedia ada boleh diguna pakai bagi menyelesaikan pertikaian yang berbangkit mengenai perkara berkenaan,maka semua pihak adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang tersebut.

Sekian, terima kasih.